

Gerik: "Air mula masuk ke dalam rumah jam 4 pagi hingga ke paras betis, namun dalam tempoh setengah jam saja air semakin naik hingga ke paras dada menyebabkan kami sekeluarga keluar menyelamatkan diri ke kawasan tinggi," kata Khairul Effendy Ishak, 32.

Khairul yang tinggal di belakang Pasar Awam Gerik, di sini, antara keluarga yang terjejas akibat banjir kilat yang menenggelamkan beberapa kawasan di daerah itu, semalam.

Kejadian itu menyebabkan tujuh keluarga dipin-

Air bah dalam rumah separas dada

FOTO: DJ DOLASOH



KHAIRUL Effendy membersihkan kawasan rumah dan gerai perniagaannya selepas banjir kilat melanda Gerik, awal pagi semalam.

dahkan ke pusat pemindahan sementara di Dewan Orang Ramai Gerik sebelum dibenarkan pulang selepas air surut sekitar jam 1.40 petang semalam.

Menceritakan kejadian itu, Khairul Effendy berkata, adiknya, Khairul Rashidi,

20, terjaga daripada tidur selepas berasa sejuk kerana tilam tempat tidurnya mula ditenggelami air sebelum menjerit memberitahu ahli keluarga lain yang nyenyak tidur.

Menurutnya, ketika menyelamatkan diri air sampai

ke paras dada dan mengalir deras serta memaksa mereka sekeluarga berpegangan untuk keluar dari kawasan rumah.

Katanya, dia bersama ibu dan empat adiknya mengharungi air dalam keadaan gelap sehingga ke kawasan

bukit 300 meter dari rumah untuk menyelamatkan diri dengan keadaan sehelai sepinggang.

"Kami duduk di kawasan bukit itu sehingga jam 7 pagi sebelum meninjau keadaan rumah selepas air surut pada paras lutut dan terkejut apabila mendapati sebahagian besar barangan dalam rumah hanyut dan musnah akibat banjir kilat," katanya yang tinggal di pinggir Sungai Hanyir berhampiran pasar Gerik.

Dia yang menjalankan perniagaan kedai makan bagaimanapun bersyukur kerana seluruh ahli keluarga selamat daripada perkara tidak diingini.

Sementara itu, Che Wan Said, 56, yang tinggal bersama suaminya, Ishak Abdul Wahab, 59, di tepi tebing Sungai Hanyir di sini berkata, dia lari ke rumah anaknya di kawasan tinggi di pinggir bandar Gerik untuk menyelamatkan diri.

"Kami cemas tengok air sungai di belakang rumah yang laju dan naik secara mendadak selepas hujan lebat tanpa berhenti selama tiga jam mulai jam 12.30 tengah malam tadi (semalam) sebelum lari ke rumah anak," katanya.

